



SIDANG MB DAN KM ... Ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman diiringi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke-122 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd. Yassin di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, kelmarin.

Turut hadir Menteri-menteri kabinet Persekutuan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Gambar atas, Musa (dua kanan) bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (kanan) dan Dr. Ali (tiga kanan) semasa persidangan yang dipengerusikan oleh Muhyiddin (kiri). Gambar bawah, Musa (kiri) dan Muhyiddin berbual mesra sebelum persidangan bermula.

# Warga UMS diminta terapkan budaya penyelidikan, inovasi

NST 29.10.142

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabah-times.com.my

KOTA KINABALU: Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) diseru supaya menerapkan budaya penyelidikan dan inovasi bagi memastikan universiti itu menjadi rujukan dan dihormati, sekaligus muncul sebagai universiti bertaraf antarabangsa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata ini penting kerana negara yang beraspirasi menjadi negara maju, universiti bukan sahaja berperanan menghasilkan modal insan berkualiti tetapi berperanan menghasilkan harta intelek bermutu tinggi melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Beliau berkata, dalam usaha menyuburkan budaya penyelidikan dan inovasi, pengurusan universiti akan sentiasa memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan penyelidikan yang terbaik.

"Selain menyediakan insentif penyelidikan, pengurusan universiti juga akan terus menyediakan dana untuk menyelidikan dan inovasi dalam kepada penyelidik muda serta menyediakan dana untuk membantu penyelidikan pasca-siswazah.



RASMI ... Shariff Abdul Kadir (tengah) merasmikan penutupan pertandingan PEREKA, turut kelihatan Felix (kiri sekali) Marcus (dua dari kiri), Dayang Rukiah (dua dari kanan) dan Mariam (kanan sekali).

"Universiti juga akan terus menyediakan dana untuk melindungi harta intelek serta menyediakan dana menghadiri persidangan dan menyertai pameran dan pertandingan rekacipta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian penutupan Pertandingan Penye-

lidikan dan Rekacipta (PEREKA) 2014, di Dewan Kuliah Pusat UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UMS Prof Dr. Shariff Abdul Kadir b. Shariff Omang Al-Haj.

Mohd Harun berkata, hasil PEREKA 2012, UMS telah menyertai enam pertandingan

rekacipta di dalam dan luar negara, dan berjaya memenangi 18 pingat Emas, 26 (Perak) dan 23 (Gangsa).

"Beberapa produk yang mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara kini dalam proses pengkomersialan melalui kerjasama pintar dengan pihak industri," katanya.

## Dari Muka 2

Beliau berkata, pada tahun 2013, UMS telah melancarkan Pelan Strategik 2013 – 2017, yang antara lain menjurus kepada penyelidikan dan inovasi.

“Salah satu daripada sasaran prestasi yang dimasukkan dalam UMS-KRA 2 adalah 50 peratus kenaikan bilangan anugerah yang diperolehi dalam pameran dan pertandingan sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

“Oleh itu, pertandingan pameran seperti ini amat penting dalam membantu menjayakan UMS-KRA 2, selain melonjakkan nama UMS di persada antarabangsan,” katanya.

Mohd Harun berkata krateria itu juga termasuk dalam penilaian MyRA: Malaysia Research Assessment yang mana menjadi keutamaan universiti untuk mencapai pe-

narafan 5 bintang oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Selain menerima anugerah, kita juga memastikan produk inovasi tersebut berjaya dikomersilkan selepas meraih pelbagai anugerah.

“Oleh itu, UMS harus mengembangkan usaha agar tidak ketinggalan mengkomersilkan produk, seterusnya menjana pendapatan universiti, sama ada dalam bentuk yuran, lesen, royalti dan sebagainya,” katanya.

Turut hadir, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof.Dr.Felix Tongkul, Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Akademik Prof.Dr.Marcus Jopony, Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Ag.Damit dan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Prof Datin Dr.Mariam Abd Latif.